

# KULIAH ZOHOR

**“Pro-aktif Dalam Melakukan Kebaikan”**

**Masjid Maarof | 25 September 2019**

Muhammad Haniff Hassan

[ismhaniff@ntu.edu.sg](mailto:ismhaniff@ntu.edu.sg) / [www.haniff.sg](http://www.haniff.sg)

# Ayat Al-Quran

وَلَا عَلَى الَّذِينَ إِذَا مَا أَتُوكَ لِتَحْمِلُهُمْ قُلْتَ لَا أَجُدُ مَا أَحْمَلُكُمْ عَلَيْهِ  
تَوَلَّوْا وَأَعْيُنُهُمْ تَفِيضُ مِنَ الدَّمْعِ حَزَنًا أَلَا يَجِدُوا مَا يُنفِقُونَ  
إِنَّمَا السَّبِيلُ عَلَى الَّذِينَ يَسْتَأْذِنُوكَ وَهُمْ أَغْنِيَاء رَضُوا بِأَنْ يَكُونُوا  
مَعَ الْخَوَالِفِ وَطَبَعَ اللَّهُ عَلَى قُلُوبِهِمْ فَهُمْ لَا يَعْلَمُونَ

# Terjemahan

“Dan tiada (pula dosa) atas orang-orang yang apabila mereka datang kepadamu, supaya kamu memberi kenderaan, lalu kamu berkata 'Aku tidak memperoleh kenderaan untuk membawamu', lalu mereka kembali sedang mata mereka bercucuran air mata kerana kesedihan, lantaran mereka tidak mempunyai apa yang dapat mereka nafkahkan. Sesungguhnya jalan (untuk menyalahkah) hanyalah terhadap orang-orang yang meminta izin kepadamu, padahal mereka itu kaya. Mereka rela berada bersama orang-orang yang tidak ikut berperang dan Allah telah mengunci, mati hati mereka, maka mereka tidak mengetahui (akibat perbuatan mereka).” (Al-Taubah: 92-93)

# Pengajaran

1. Seorang mukmin akan sentiasa berusaha untuk memberi sumbangan pada agama, walau pun hakikatnya dia mempunyai keuzuran atau tidak berkemampuan.
2. Mukmin yang ikhlas akan menangis apabila terlepas peluang atau tidak diberi peluang untuk menyumbang di jalan Allah.

3. Sikap seperti itu tanda komitmen terhadap agama
  - sifat manusia yang telah mewakafkan dirinya untuk agama Allah.
  - manusia yang hidupnya untuk dakwah dan dakwah hidup kerananya.
4. Mereka yang sentiasa mencari keuzuran di jalan Allah tercela
  - menanggung risiko untuk dimatikan hatinya, sehingga ia akan terus selesa dan bergembira setiap kali mendapat alasan untuk dikecualikan dari tugas di jalan Allah taala
  - manusia yang hatinya sakit sehingga kalau pun mampu atau mempunyai keupayaan untuk memberi sumbangan, ia akan tetap mengelak dan melarikan diri.

# KULIAH ZOHOR

**“Mengambil Berat Dan Pengasih Sifat Utama  
Muslim”**

**Masjid Maarof | 25 September 2019**

Muhammad Haniff Hassan

[ismhaniff@ntu.edu.sg](mailto:ismhaniff@ntu.edu.sg) / [www.haniff.sg](http://www.haniff.sg)

# Ayat Al-Quran

لَقَدْ جَاءكُمْ رَسُولٌ مِنْ أَنفُسِكُمْ عَزِيزٌ عَلَيْهِ مَا عَنِتُّمْ حَرِيصٌ عَلَيْكُمْ  
بِالْمُؤْمِنِينَ رَوُوفٌ رَّحِيمٌ  
فَإِن تَوَلُّوْا فَقُلْ حَسْبِيَ اللَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ عَلَيْهِ تَوَكَّلْتُ وَهُوَ رَبُّ  
الْعَرْشِ الْعَظِيمِ

# Terjemahan

“Sesungguhnya telah datang kepadamu seorang Rasul dari kaummu sendiri, berat terasa olehnya penderitaanmu, sangat menginginkan (keimanan dan keselataman) bagimu, amat belas kasihan lagi penyayang terhadap orang-orang mukmin. Jika mereka berpaling (dari keimanan) maka katakanlah 'Cukuplah Allah bagiku, tidak ada Tuhan selain Dia. Hanya kepadaNya aku bertawakkal dan dia adalah Tuhan yang memiliki `arsy yang agung.'” (AL-Taubah: 128-129)

# Pengajaran

1. Ayat ini menjelaskan sikap dan perasaan Nabi s.a.w terhadap umatnya yang beriman dan tidak beriman
  - patut memupuk sikap yang sama dalam diri kerana mencontohi Nabi s.a.w.
2. Sikap dan perasaan Rasulullah s.a.w
  - rasa berat terhadap penderitaan manusia
  - saat menginginkan keimanan dan keselamatan bagi manusia
  - belas kasihan
  - penyayang

3. Rasulullah s.a.w tidak membenci mereka yang tidak beriman
  - beliau sentiasa merasa kasihan atas kekufuran mereka dan mengharap hidayah untuk mereka
  - rujuk juga Yusuf : 103
  - walau pun, beliau sentiasa menghadapi pelbagai tentangan dari kaumnya yang kufur.
4. Banyak insiden dalam sirah beliau yang menceritakan balasan baik beliau terhadap kekasaran golongan bukan Muslim menjelaskan ayat ini.
5. Rasulullah s.a.w bukan hanya perihatin terhadap persoalan keagamaan manusia, tapi juga persoalan keduniaan mereka seperti makan minum, kesulitan hidup, musibah dan lain-lain.

6. Hendaklah mempunyai perasaan yang sensitif dan peka terhadap nasib masyarakat
  - jangan hanya sibuk dan menangani masalah keagamaan dalam masyarakat, tapi juga urusan kehidupan sehari-hari
  - harus turut perihatin atas kemiskinan, pengangguran dan sakit yang menimpa mereka
  - jangan ada sikap “apathy” terhadap apa yang berlaku dalam masyarakat.
7. Cari sokongan manusia, tapi letak pergantungan hanyalah kepada Allah taala
  - tiada sokongan manusia, tidak gugat komitmen pada dakwah
  - tidak mengeluh jika bersendiri atau merasa sepi, kerana cukup baginya Allah taala, sebaik-baik pembantu dan penyokong.